



D.R. 9/2000

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2000.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

### **Pindaan seksyen 3**

2. Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 [*Akta 552*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 3(1) dalam takrif “barang”—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “berasingan” perkataan “tetapi tidak termasuk suatu litar bersepadu atau suatu bahagian suatu litar bersepadu mengikut pengertian Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000, atau suatu pencontoh yang digunakan untuk membuat litar bersepadu sedemikian”; dan
- (b) dengan memasukkan rujukan birai “*Akta...*” bertentangan dengan perkataan “Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000”.

**Seksyen baru 13A**

3. Akta itu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 13 seksyen yang berikut:

“Pendaftaran tertentu tidak boleh dilanjutkan atau dimasukkan semula. 13A. Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Akta ini, jika sebelum Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 mula berkuat kuasa suatu reka bentuk perindustrian yang terpakai bagi sesuatu litar bersepadu atau suatu bahagian sesuatu litar bersepadu mengikut pengertian Akta itu atau suatu reka bentuk perindustrian yang terpakai bagi sesuatu pencontoh yang digunakan untuk membuat litar bersepadu sedemikian telah didaftarkan di bawah Akta ini, pendaftaran itu tidak boleh dilanjutkan atau dimasukkan semula pada bila-bila masa pada atau selepas permulaan kuat kuasa itu.”

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 (“Akta 552”).

2. *Fasal 1* Rang Undang-Undang ini mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda takrif “barang” dalam subseksyen 3(1) Akta 552 untuk mengeluarkan suatu litar bersepadu atau suatu bahagian sesuatu litar bersepadu mengikut pengertian Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 dan suatu pencontoh yang digunakan untuk membuat litar bersepadu sedemikian daripada Akta 552.
4. *Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 13A ke dalam Akta 552 untuk memperuntukkan bahawa pendaftaran suatu reka bentuk perindustrian yang terpakai bagi sesuatu litar bersepadu atau suatu bahagian sesuatu litar bersepadu mengikut pengertian Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 dan pendaftaran suatu reka bentuk perindustrian yang terpakai bagi sesuatu pencontoh yang digunakan untuk membuat litar bersepadu sedemikian di bawah Akta 552 tidak boleh dilanjutkan atau dimasukkan semula di bawah Akta 552 selepas Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 mula berkuat kuasa.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.